

Graduan perlu lebih kreatif

Kuala Lumpur: Graduan perlu lebih kreatif untuk mencipta peluang pekerjaan sendiri dan tidak hanya bergantung kepada majikan dan kerajaan semata-mata.

Ketua Kluster Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan, Majlis Profesor Negara (MPN) Prof Datuk Dr Zakaria Kasa berkata, usaha itu boleh dilakukan menerusi bidang keusahawanan yang akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada graduan lain.

"Melalui langkah ini, secara tidak langsung ia dapat membantu mengurangkan masalah pengangguran di negara ini khususnya dalam kalangan graduan sendiri.

"Untuk mencapainya, mereka (graduan) perlu memastikan perniagaan dijalankan itu mampu bertahan dan bukan hanya dilakukan separuh jalan," katanya.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan dua siswa Universiti Putra Malaysia

“**Bantu kurangkan masalah pengangguran di negara ini khususnya dalam kalangan graduan sendiri”**

Dr Zakaria

(UPM) meriah pendapatan bulanan lumayan menerusi perniagaan yang diusahakan.

Muhammad Faris Jaafar, 23, mengusahakan perniagaan Serdang Cendol dalam kampus, manakala Ahmad Fauzi Mohamad Rodzi, 22, pula menjual serta mencetak baju-T dan kini mengorak satu langkah kepada konsep atas talian.

Perkongsian kisah dua siswa terbabit untuk dijadikan sumber inspirasi kepada penuntut lain untuk mengikuti jejak langkah mereka mencari pendapatan sampingan dan tidak bergantung sepenuhnya dengan pinjaman pendidikan.